

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 25 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1442-L12916
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan demi memenuhi sasaran RMK-12, apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu 20 peratus isi rumah M40 beralih kepada had pendapatan di bawah kumpulan B40 akibat impak pandemik COVID-19.

2. PR-1442-L13811
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesediaan Kerajaan berikutan pendedahan *Pandora Papers* yang melibatkan beberapa anggota pentadbiran dan Ahli Dewan Rakyat serta bekas anggota pentadbiran negara dalam memastikan kredibiliti dan integriti pentadbiran negara terpelihara dan apakah pemantauan terhadap transaksi wang keluar negara secara haram serta nilai wang haram yang telah dikeluarkan sejak 2008 hingga kini.

3. PR-1442-L12777
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan berapa ramai pelatih Akademi Binaan Malaysia yang telah menceburi diri dalam bidang pembinaan. Sejauh mana akademi ini telah berusaha untuk menyediakan tenaga kerja mahir tempatan dalam usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam pembinaan khususnya di negeri Sarawak.

4. PR-1442-L13150
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap Afghanistan selepas dikuasai semula oleh Taliban dan sama ada hubungan diplomatik tertakluk kepada syarat hak asasi wanita tidak dicabuli di Afghanistan, khususnya dalam peluang pendidikan dan pekerjaan serta penglibatan dalam pentadbiran.
5. PR-1442-L13504
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembangunan rangka kerja tindakan pembangunan Bumiputera seperti yang diumumkan di bawah RMKe-12 serta penglibatan agensi Kerajaan bermandat Bumiputera seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dalam membangunkan rangka kerja tindakan pembangunan Bumiputera ini.
6. PR-1442-L13446
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimana kerajaan boleh memanfaatkan teknologi dan inovasi tempatan seperti peralatan "*Flood Depth Indicator Pole*" dalam mengatasi masalah kualiti jalan raya di Malaysia yang kerap rosak akibat banjir serta faktor-faktor lain.
7. PR-1442-L13882
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan libat urus golongan belia dalam memperkasa Akademi Pilihan Raya selaras dengan pelaksanaan Undi18 bagi memastikan mereka memahami tanggungjawab dan seterusnya mengambil bahagian dalam pilihan raya.
8. PR-1442-L13130
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status terkini Projek Tebatan Banjir dalam Kompenan Saliran Mesra Alam dan Kos Projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) bagi kawasan Parlimen Sungai Siput.
9. PR-1442-L13747
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak dalam memanfaatkan penggunaan teknologi satelit bagi menentukan jumlah sebenar saiz keluasan kawasan tanaman dan pengeluaran lada yang dijalankan di negeri Sarawak.

10. PR-1442-L13676
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pendekatan, inisiatif dan strategi terkini Kementerian dalam usaha untuk memerangi kempen anti minyak sawit di negara barat.
11. PR-1442-L13395
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk membantu pusat-pusat tahfiz yang tidak beroperasi ekoran masalah kewangan dan dana dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0.
12. PR-1442-L13790
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dialami penduduk perumahan Sri Aman, Jinjang. Pembeli rumah di sana dibelenggu isu kebocoran dari merata tempat di dalam dan di luar rumah mereka. Masalah ini berlarutan semenjak mereka pindah masuk pada tahun 2017.
13. PR-1442-L13081
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Perintah Tahan Pelepasan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat ke atas FGV Holdings Berhad memberi kesan kepada peneroka FELDA dan apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan isu ini.
14. PR-1442-L13385
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Perdana Menteri mesti diberikan kuasa mutlak ke atas Petroleum National Bhd (Petronas) di bawah Akta Petroleum 1974 dan sama ada Kerajaan bercadang membuat pindaan kepada akta tersebut supaya kuasa ini diberikan kepada satu badan Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Kabinet.
15. PR-1442-L13694
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan terhadap pembangunan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) yang agak ketinggalan dari segi kemudahan dan infrastruktur dan berapakah peruntukan yang telah disasarkan untuk memastikan suasana kondusif dapat diberikan setara kepada keperluan pengajian asas fardu ain KAFA ini kepada anak-anak di seluruh negara termasuk 30 buah SRAR di Parlimen Bukit Gantang.

16. PR-1442-L12832
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai isu pengambilan rakyat kaum India dalam sektor Kerajaan. Boleh nyatakan peratusan rakyat kaum India yang bekerja dalam sektor Kerajaan berbanding kaum lain tanpa mengira guru sekolah Tamil.
17. PR-1442-L13459
Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedang menyemak dan bercadang untuk memberi pendapatan tetap atau menaikkan elaun tetap Imam-imam Qariah Masjid yang berkhidmat sepenuh masa bagi membawa keluar golongan ini daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai cara melestarikan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
18. PR-1442-L13204
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci projek-projek yang telah dilaksanakan dan peratusannya di bawah setiap Rancangan Malaysia dari Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Rancangan Malaysia Ke-11 dan senaraikan projek-projek yang belum atau tidak dapat dilaksanakan dan sebab utamanya.
19. PR-1442-L12767
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan membuat kajian mengenai prestasi perniagaan pelabur asing untuk 2021. Jika prestasi perniagaan pelabur asing adalah tidak memuaskan, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing.
20. PR-1442-L13784
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan dan peruntukan bagi mentransformasikan industri aeroangkasa seperti dicadangkan sebagai salah satu strategi untuk merangsangkan ekonomi.
21. PR-1442-L12715
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap hubungan dengan Kerajaan baharu Afghanistan yang dikuasai oleh Taliban.

22. PR-1442-L12753
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi yang dilaksanakan Kementerian untuk menggandakan pertumbuhan dan mempergiatkan pembangunan industri di Sabah bagi tempoh jangka pendek dan panjang pasca pandemik COVID-19.
23. PR-1442-L13436
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria profesional atau ijazah sarjana tertentu untuk melantik Penasihat Khas Bertaraf Menteri kepada Perdana Menteri, serta adakah penasihat khas ini diperuntukkan dengan elaun untuk membantu rakyat.
24. PR-1442-L13337
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah dan/atau pelan tindakan yang disusun untuk mencapai matlamat atau konsep “Keluarga Malaysia” yang diketengahkan oleh Kerajaan. Nyatakan dengan jelas konsep dan model “Keluarga Malaysia” yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan.
25. PR-1442-L13578
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan halangan terhadap cadangan untuk mengasingkan jawatan Pendakwaraya dari Peguam Negara, dan kenapa kedua-dua pegawai tinggi ini tidak diletakkan di bawah kuasa Parlimen, dan bukan Perdana Menteri.
26. PR-1442-L13345
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dalam menyusun semula anak Syarikat Yadim iaitu Lembaran Yadim Sdn. Bhd.
27. PR-1442-L12845
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa lama sekatan-sekatan terhadap rakyat yang tidak lengkap vaksin di tempat-tempat awam dan di pejabat-pejabat akan diteruskan oleh pihak Kerajaan.
28. PR-1442-L13179
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat perubahan dengan memisahkan entiti Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Jika tidak, apakah yang menghalang pemisahan ini.

29. PR-1442-L12710
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sudah ada inisiatif pindaan Akta Tabung Haji (1995) untuk meletakkan pengurusan risiko aset Tabung Haji di bawah kawalan Bank Negara.
30. PR-1442-L13530
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana Kementerian membantu sektor minyak sawit, khususnya di Sabah, untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang sangat ketara ketika ini yang disebabkan oleh sekatan perjalanan.
31. PR-1442-L12690
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal.
32. PR-1442-L12899
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha Kementerian mengurangkan kebergantungan pekerja asing untuk sektor perladangan - dilaporkan seramai 32,000 buruh asing yang sudah lengkap divaksin akan dibawa masuk ke Malaysia sebagai pekerja dan penuai di ladang-ladang kelapa sawit di seluruh negara pada pertengahan bulan Oktober.
33. PR-1442-L13016
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan terkini bagi Bumiputera Orang Asli Semenanjung, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak serta sejauh mana rekod dan prestasi pencapaian agensi seperti AIM, TEKUN, MARA dan PUNB khususnya ke atas Bumiputera Bukan Melayu tersebut.
34. PR-1442-L12824
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan tol di BKE, memandangkan rakyat yang berulang alik dari Kulim ke Pulau Pinang terpaksa mengeluarkan wang tol untuk bayaran 2 arah, ini membebaskan mereka.

35. PR-1442-L13534

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah sebab simpang lampu trafik di Batu Tujuh Kuching perlu ditutup selama 3 bulan untuk pelaksanaan projek jejantas *fly-over* (sebahagian projek Pan Borneo Highway) di simpang tersebut. Apakah pampasan kontraktor perlu bayar atas kesulitan yang diakibatkan kepada orang awam selama ini.

36. PR-1442-L12703

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat dalam RMK-12 rancangan supaya ekonomi Malaysia tidak lagi mengeluarkan barang hasil kilang yang rendah nilainya tetapi Malaysia bertukar kepada menghasilkan barangan yang tinggi nilai supaya negara ini dapat mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

37. PR-1442-L12726

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk memperkasakan institusi Parlimen dengan mewujudkan kumpulan penyelidik ala *Congressional Research Service*.

38. PR-1442-L13252

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apa yang sebenarnya berlaku sehingga laman web pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi vaksin AstraZeneca telah gagal berfungsi pada 26 Mei 2021, berapa kos yang dibelanjakan untuk membina laman web tersebut, serta syarikat yang telah diberi kontrak tersebut.

39. PR-1442-L13575

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah siasatan telah dilakukan terhadap Datuk Hasanah Ab Hamid, Bekas Pengarah Organisasi Perisihan Luar Malaysia (MEO) yang didakwa menerima bayaran sebanyak USD 12 juta dari ejen asing melalui negara barat menjelang PRU-14.

40. PR-1442-L12843

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa buah sekolah tahfiz yang telah diarahkan tutup oleh Kementerian sejak 2020. Apakah sebab-sebab arahan tutup dikeluarkan kepada sekolah-sekolah tersebut .

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Sumber Manusia**

- * Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2021.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Memilih Timbalan Yang di-Pertua****2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

"(a) BAHAWA Dewan ini membahas, dan meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengemukakan ordinan-ordinan darurat yang berikut:

- (i) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*];
- (ii) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 76/2021*];
- (iii) Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 77/2021*];
- (iv) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 [*P.U. (A) 110/2021*];
- (v) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 151/2021*];
- (vi) Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 173/2021*]; dan
- (vii) Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 186/2021*].

(b) BAHAWA selaras dengan peruntukan Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengemukakan Proklamasi atau ordinan itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baharu di bawah Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan; dan

- (c) BAHAWA Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal ancaman pandemik dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap ekonomi, atau kestabilan awam termasuklah penyampaian perkhidmatan kesihatan awam apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu.

DENGAN INI DEWAN mengambil ketetapan seperti berikut :

Kerajaan mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Parlimen membahaskan dan mengemukakan ordinan-ordinan darurat seperti yang disebut di perenggan (a) menurut kehendak Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan".

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R 2/2021) | Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 5/2021) | Rang Undang-Undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 | " |
| | | [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] | |
| 5. | (D.R 6/2021) | Rang Undang-Undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021 | " |
| | | [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] | |
| 6. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 7. | (D.R 14/2020) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 8. | (D.R 8/2021) | Rang Undang-Undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021 | " |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |

- | | | |
|---------------------|--|-------------------------------|
| 9. (D.R 4/2021) | Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 10. (D.R 15/2020) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] | " |
| 11. (D.R 12/2020) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020

[Menteri Dalam Negeri] | " |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 165	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2019	25 Oktober 2021
ST. 170	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2019	25 Oktober 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 25.10.2021 (Isnin)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Masalah Bekalan Air Di Daerah Kota Setar	1. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air
2. 25.10.2021 (Isnin)	2. YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)	2. Status Selia Senggara Jalan Persekutuan FT92 Bandar Penawar Ke Sungai Rengit	2. YB Menteri Kanan Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**